

Surat layang dakwa rasuah, penyelewengan sesetengah hakim PM arah BPR siasat

UM - 5/6/2016

Oleh ROZILAN SALLEH

KEPALA BATAS 4 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyasat dakwaan berlakunya rasuah dan penyelewengan membabitkan sesetengah hakim.

Perdana Menteri berkata, Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim yang menerima surat layang menuduh sesetengah hakim rasuah dan menyeleweng telah melaporkannya kepada BPR.

"Terserah kepada BPR bila mahu memulakan siasatan," katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran Perdana Kompeni Askar Wataniah Kawasan Parlimen Kepala Batas, Batu Kawan dan Nibong Tebal di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas pendedahan Tun Ahmad Fairuz bahawa beliau menerima surat layang menuduh sesetengah hakim rasuah dan menyeleweng.

- **PM arah DBKL siasat projek perumahan di cerun bukit**
- Muka 2

Mingguan Malaysia hari ini pula menyiarkan wawancara dengan dua tokoh perundangan, bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Shaik Daud Md. Ismail dan bekas Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman yang mahukan tuduhan melalui surat layang tidak diketepikan begitu sahaja.

Kedua-duanya berkongsi pengalaman ada kes yang pernah disabitkan di mahkamah bermula siasatannya daripada surat layang dan dalam keadaan tertentu, dakwaan itu mempunyai asas.

Kedua-duanya turut menyentuh cadangan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman bagi menangani masalah itu yang dikatakan berpunca daripada pemilihan dan pelantikan hakim.

Mengenai perkara itu, Abdullah berkata, ia memerlukan kajian terperinci.

Kajian teliti itu, katanya, perlu memandangkan cadangan terbabit merupakan satu dasar besar dan tidak boleh diputuskan hanya berdasarkan laporan akhbar.

"Saya tidak boleh respons kepada soalan akhbar semata-mata, perlu fikir lanjut mengenainya," katanya.



WARISAN BANGSA... Abdullah Ahmad Badawi bersama para pelajar sekolah yang merupakan generasi pewaris tulisan Jawi meneliti *Utusan Melayu Mingguan* pada majlis pelancaran semula satu-satunya akhbar dalam tulisan jawi, di Kepala Batas, Pulau Pinang, semalam. [Lagi gambar di muka 2] - Gambar SAZALI CHE DIN